

KAJIAN PASARAN KEATAS SIKAP PENGGUNA TERHADAP
PEMILIHAN JENAMA-JENAMA UBAT NYAMUK LINGKARAN;
TUMPUAN KHAS KEPADA SHELLTOX

OLEH :

SHARIDA BT MAT JAMIN
ROZITA BT ALI
ANITA BT SALLEH
RCSMAWATI BT ABDULLAH
SANIAH BT ISMAIL

SATU PROJEK AKHIR YANG DISEDIAKAN UNTUK
MEMATUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT UNTUK
PENGANUGERAHAN ;

'DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES'

KURSUS DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

SELANGOR

JULY-NOV 1984

PENGHARGAAN

Dalam menyiapkan projek ini, kami telah menerima kerjasama dari beberapa pihak. Lantaran itu kami ingin merakamkan ucapan terimakasih kepada pihak-pihak yang terlibat.

Pertama, kepada Encik Mohd. Naim Ahmad iaitu penasihat kami yang sudi meluangkan masa untuk berbincang.

Kedua, kepada Puan Faizah Rahim, pensvarah Business Research yang telah memberi panduan untuk projek ini.

Ketiga, kepada Encik Robert Tan iaitu Business and Development Manager, Tiram Kimia Sdn. Bhd. yang telah memberi maklumat-maklumat yang amat berguna untuk tujuan penyelidikan.

Keempat, kepada tiga orang peruncit yang telah dipilih untuk ditemubual:

- i) Mohd Kharis Mohd Khusnan,
Syarikat Perniagaan Haris,
No:8, 2/I6, Shah Alam,
Selangor.
- ii) Hadik Haji Hamzah,
Syarikat Keluarga Java,
No:I2, 2/I6, Shah Alam,
Selangor.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	i
-------------	---

BAB I

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Penyata Masalah	2
1.2.0	<u>OBJEKTIF</u>	
1.2.1	Objektif Pertama	3
1.2.2	Objektif Kedua	3
1.2.3	Objektif Ketiga	3
1.2.4	Objektif Keempat	3
1.2.5	Objektif Kelima	4
1.2.6	Objektif Keenam	4
1.3.0	<u>HIPOTESIS</u>	
1.3.1	Hipotesis Pertama	5
1.3.2	Hipotesis Kedua	5
1.3.3	Hipotesis Ketiga	5
1.3.4	Hipotesis Keempat	5
1.3.5	Hipotesis Kelima	6
1.4.0	<u>BIDANG</u>	6
1.5.0	<u>BATASAN KAJIAN</u>	7

BAB II

2.0	<u>KAJIAN BAHAN</u>	
2.1	Ubat nyamuk secara umum	3
2.2	Ubat nyamuk jenis lingkaran	8
2.3	Syarikat Pengeluar ubat nyamuk lingkaran Shelltox	10

I.0 PENDAHULUAN

Ubat nyamok lingkaran digunakan untuk mengelakkan dari gigitan nyamok. Di Malaysia ubat nyamok lingkaran yang pertama dipasarkan ialah jenama Ikan Mas (Gold Fish). Jenama Sheltox kemudiannya dipasarkan oleh Syarikat Tiram Kimia Sdn. Bhd. Kini jenama Sheltox telah merebut 50% daripada jumlah pasaran ubat nyamok lingkaran di Semenanjung Malaysia.

Jenama terbaru yang ujud dalam pasaran ialah Fumakilla. Ia telah mulai memberi persaingan pada jenama-jenama Ikan Mas, terutamanya Sheltox dan lain-lain jenama yang terdapat dalam pasaran seperti Mcsfly, King Kong dan lain-lain lagi.

Untuk menghadapi persaingan dari jenama-jenama lain yang terdapat dalam pasaran, Syarikat Tiram Kimia telah mengeluarkan satu lagi jenama baru iaitu New Sheltox Gold Medal (berkotak hijau), dimana saiz lingkarannya lebih besar dari ubat nyamok Sheltox biasa. Berjayakah jenama ini menguasai pasaran ubat nyamok lingkaran?. Jawapannya masih lagi menjadi tanda tanya kerana jenama ini masih lagi berada pada peringkat pertumbuhan.

I.I PENYATA MASALAH

Daripada kajian yang telah dibuat, pada tahun 1982 Sheltox telah menguasai 48% daripada jumlah pasaran ubat nyamok lingkaran, pada tahun 1983 telah jatuh kepada 46% dan seterusnya pada suku tahun 1984 terus jatuh kepada 44%. Kejatuhan ini disebabkan oleh semakin meningkatnya penguasaan pasaran oleh jenama Fumakilla iaitu pada tahun 1982 (8%), 1983 (14%), suku tahun 1984 (21%).

Kesan pemasaran dari jenama baru iaitu New Sheltox Gold Medal masih lagi menjadi tanda tanya. Oleh itu Syarikat Tiram Kimia mestilah mengetahui siapakah tumpuan pasaran dan apakah kelakuan pengguna didalam penggunaan ubat nyamok. Analisa bagi tujuan tersebut perlu dilakukan untuk merancang strategi pemasaran yang lebih berkesan iaitu dari segi produk, harga, promosi dan pengedaran bagi mengekalkan dan dapat meluaskan lagi penguasaannya dalam pasaran.